

SIFAT *WARA'* DALAM PENDIDIKAN MENURUT IMAM AL-ZARNUJI

Muhammad Fairuz A. Adi¹, Amzan Satiman²

Fairuz@kuis.edu.my¹, amzan@kuis.edu.my²

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Wara' merupakan satu sifat yang menjadi tuntutan kepada individu muslim terutama kepada individu yang terlibat dalam bidang keilmuan. Pemahaman terhadap sifat *wara'* dilihat banyak terarah kepada konsep pemakaian dan pertuturan seseorang, walhal definisi *wara'* ini sebenarnya lebih luas dari apa yang difahami oleh mereka. Penerapan sifat *wara'* amat penting kepada individu muslim terutama kepada para pendidik dan penuntut ilmu dalam melahirkan individu yang seimbang dari rohani, intelek, jasmani dan fizikal. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengetengahkan idea dan pandangan al Zarnuji mengenai sifat *wara'* yang perlu ada pada pendidik dan pelajar. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang menjadikan kitab *Ta'lim al-Mutallim* sebagai sumber rujukan utama. Kajian ringkas ini menganalisis idea al-Zarnuji mengenai sifat yang perlu diterapkan dalam individu yang terlibat dalam bidang pendidikan terutamanya para golongan pelajar. Diharapkan kertas kerja ini memberi panduan serta kesan yang positif terhadap golongan pendidik serta pelajar dalam mengharungi dunia akademik seterusnya melahirkan insan yang baik dan seimbang dari perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani.

Kata Kunci : al-Zarnuji, *wara'*, pendidikan Islam, *Ta'lim al-Muta'llim*.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan yang paling penting ia merupakan proses untuk melahirkan seorang manusia yang mempunyai matlamat dalam kehidupan. Sebagai seorang Muslim, kita dituntut untuk mendalami ilmu pengetahuan bahkan ayat-ayat al-Quran dan hadith nabi S.A.W banyak menjelaskan kewajipan untuk mencari ilmu dan menjelaskan kepada kita betapa tingginya nilai seorang yang berilmu di sisi Allah S.W.T.

Persidangan mengenai pendidikan Islam yang diadakan di Jeddah, Mekah al Mukarramah tahun 1977 melibatkan 320 tokoh ilmuwan Islam dari 33 buah negara telah menggariskan bahawa matlamat Pendidikan Islam adalah:

“Pendidikan haruslah bermatlamatkan membentuk perkembangan individu yang seimbang melalui perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani. Perkembangan ini membolehkan seseorang individu merasai keterikatan emosinya dengan Islam dan membolehkannya mentaati al-Qur’an dan as-Sunnah dan dikawal oleh sistem akhlak Islam dengan rela hati dan gembira yang memungkinkannya menjalankan amanahnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi.¹

Begitu juga yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara 1988 yang menyatakan:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Dalam pendidikan, untuk menghasilkan hal tersebut keperluan kepada konsep yang tepat serta metode-metode yang sesuai amat ditagih. Pendidikan yang berhasil adalah yang mampu membentuk manusia yang seimbang dari segi rohani dan jasmani.

¹ Johdi Saleh, Dianah Omar, Fazlina Mohamad, Rahayu Ramli. *Menjana Modal Insan Kamil Model “Jerisah” Kajian Kes di KISAS Kelang*. Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam kali ke-7, UKM-GONTOR. Disember 2009. Hlm 2.

Dalam pendidikan, guru dan murid merupakan dua unsur penting yang menjadi sebahagian dari proses pendidikan. Al-Zarnuji sebagai ulama yang hidup pada abad 12, dengan karya monumentalnya *ta'lim al-muta'alim*, menawarkan idea *wara'* dalam pendidikan yang menitikberatkan kepada perilaku guru dan murid. Penulisan ini mengupas tentang salah satu konsep yang ditawarkan menurut al-Zarnuji iaitu *wara'* dalam melahirkan pelajar yang baik rohaninya.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan maklumat dan bahan-bahan di perpustakaan dan laman sesawang, beberapa penulisan berkenaan al-zarnuji dan pemikirannya terhadap pendidikan telah ditemui sepertimana di bawah:

- a. Erwin Lailia Wahdati (2014), *Internalisasi Pendidikan Karakter Pada Santri Menurut Syekh Burhanuddin Al-Zarnuji Dalam kitab Ta'lim al-Muta'llim*. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Institut Agama Islam Negeri Tulungagung, Indonesia. Sebuah penulisan akademik peringkat sarjana yang membicarakan tentang masalah keruntuhan akhlak remaja masa kini dengan meneliti akar masalah tersebut. Penulis seterusnya mendapatkan resolusinya menerusi konsep pendidikan secara menyeluruh serta permbangunan akhlak seperti yang dilontarkan oleh imam al-Zarnuji dalam kitab *ta'lim al'Muta'llim*. Perbahasan disertasi ini lebih menumpukan kepada pembinaan karakter dalam mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan moral para remaja dan penuntut ilmu dengan merujuk kepada idea-idea al-Zarnuji berkenaan dengan pembangunan akhlak.
- b. Siti Nurhidayati (2013), *Konsep Etika Peserta Didik Berdasarkan Pemikiran Syakh Al-Zarnuji Dalam Kitab Ta'lim Al-Muta'llim Dan Implikasinya Bagi Siswa Madrasah Ibtidaiyah*. Fakulti Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia. Penulisan ini merupakan sebuah disertasi peringkat sarjana di mana penulis berkenaan menyentuh mengenai idea al-Zarnuji mengenai keperluan etika dalam menyelesaikan masalah keruntuhan moral dan akhlak remaja khususnya para penuntut ilmu. Penulis mendapati bahawa kesedaran para remaja terhadap etika terhadap ilmu, terhadap guru dan teman merupakan perkara yang perlu diterapkan melalui proses pembelajaran secara berterusan dan bersistematik agar ilmu yang diperoleh itu memberi kesan yang baik terhadap sahsiah penuntut ilmu.

- c. Zahratul Mufidah (2013), *Naskah Bongsa Tekat Talabul Ngelmi Dan Kitab Ta'limul Muta'allim Thariqatta'allum* (Suatu Tinjauan Intertekstual). E-jurnal Suluk Indo, vol. 2. No. 1. Penulisan jurnal ini adalah berbentuk komparatif antara karya berjudul “Bongsa Tekat Talabul Ngelmi” (BTTN) yaitu karya seorang ilmuwan Indonesia awal kurun ke 18 bernama Gusti Kangjeng Pangeran Angabehi IV dengan hasil penulisan al-Zarnuji. Hasil kajian penulis berkenaan mendapati kedua-dua karya tersebut mempunyai roh perbahasan yang serupa iaitu menerangkan konsep sebenar pendidikan Islam dan tatacara dalam menjalani proses pendidikan. Cuma karya BTTN dipersembahkan dalam bahasa tempatan di mana ia mudah difahami dan diperhalusi oleh masyarakat setempat.
- d. Syamsuddin (2012), *Konsep pendidikan az-Zarnuji dan Ibn Taymiah*, Fakulti Tarbiyah dan Keguruan UIN Alauddin Makasar, Jurnal Aspiratif pendidikan vol. 1. | ISSN: 163-279x. Indonesia. Sebuah penulisan jurnal dengan metode perbandingan mengenai hala tuju konsep pendidikan yang diutarakan oleh dua tokoh ilmuwan Islam iaitu al-Zarnuji dan Ibn Taymiah. Penulis tersebut mendapati hala tuju pendidikan al-Zarnuji adalah mencari kerediaan Allah S.W.T, memperoleh kebahagiaan di akhirat, berusaha memerangi kebodohan pada diri sendiri dan orang lain, mengembangkan dan melestarikan ajaran Islam, serta mensyukuri nikmat Allah. Sedangkan Ibn Taimiyah membahagi ke dalam tiga tujuan yang akan di capai yakni tujuan individual yang diarahkan pada pembentukan peribadi muslim yang baik, tujuan sosial yang diarahkan kepada terciptanya masyarakat yang baik yang sejajar dengan ketentuan al-Qur'an dan al-Sunnah, dan tujuan dakwah Islamiyah yang diarahkan kepada umat agar siap sedia dan mampu memikul tugas dakwah Islamiyah ke seluruh dunia.
- e. Miftahuddin (2006), *Konsep Profil Guru Dan Siswa (Mengetahui Pemikiran Al-Zarnuji Dan Relevansinya)*. Cakrawala Pendidikan, Jun 2006, Th xxv. No. 2. ISN- 0216-1370. Penulisan jurnal ini membincangkan mengenai konsep etika yang perlu ada pada guru dan siswa menurut pandangan al-Zarnuji. Penulis juga membahaskan mengenai relevannya idea-idea al-Zarnuji dengan kedudukan guru dan penuntut zaman ini. Hasil penelitian, beliau mendapati konsep etika guru dan penuntut amat relevan di masa kini dan harus dipertahankan demi mencapai objektif pendidikan Islam yang sebenar.
- f. Abdul Fattah (2001), *Konsep pendidikan Menurut al-Zarnuji*, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Jati, Bandung. Ia merupakan kertas kerja konsep yang menyentuh secara

umum mengenai proses pendidikan dan pembelajaran yang diutarakan oleh al-Zarnuji. Kertas kerja ini menyimpulkan bahawa strategi pembelajaran seharusnya ditumpukan oleh para pelajar adalah melalui empat fasa iaitu hafalan, pemahaman, diskusi dan eksplorasi.

3.0 BIOGRAFI AL-ZARNUJI

Burhanuddin al-Zarnuji berasal dari Zarnuj, suatu kawasan yang terletak di negeri-negeri seberang sungai Tigris. Beliau wafat sebelum tahun 593H/1196M.² Namun ada pengkaji lain mendapati al-Zarnuji hidup pada akhir kurun ke 6 dan wafat sekitar tahun 620H.³ Biografi mengenai al-Zarnuji hampir-hampir tidak dicatat dalam karya-karya yang merekodkan biografi para ulama sehingga pengkaji dan ilmuwan Islam menggelarkan beliau sebagai tokoh falsafah yang *majhul* (tidak diketahui asal usul).

Al-Zarnuji hidup pada akhir pemerintahan daulah Abasiyah, ini berpandukan kepada tarikh kematian Khalifah Abasiyah terakhir (al-Mu'tashim) iaitu pada tahun 1258 M. Terdapat kemungkinan yang beliau tinggal di kawasan sekitar Iraq dan Iran, Kenyataan ini berdasarkan pengetahuan beliau mengenai syair-syair Parsi di samping contoh-contoh peristiwa yang banyak pada masa Abasiyah yang beliau dinukilkan dalam kitabnya.⁴

Dikatakan pula, bahawa Al-Zarnuji adalah seorang ulama fikah pengikut Mazhab Hanafi, beliau merupakan murid al-Mirghinani pengarang kitab *al-Hidayah fi al-fiqh*, sehingga dimungkinkan beliau tergolong orang yang banyak menggunakan akal dalam berbahas, kerana diketahui salah satu ciri mazhab ini adalah lebih mengutamakan akal (rasional) dan analogi (secara *qiyas*) dalam berfikir⁵.

Bukti bahwa al-Zarnuji pengikut mazhab Hanafi juga dapat dilihat dalam kitabnya *ta'lim al-muta'alim* yang di dalamnya banyak mengutip pendapat Abu Hanifah, misalnya “*Al-fiqhu ma'rifat al-nafsi mâ lahâ wa mâ 'alaihâ. Mâ al-'ilmu illa li al-'amali bihi wa al-'amalu bihî tarku al-'âjili lilâjili.*” Fiqih adalah pengetahuan tentang hal-hal yang berguna dan yang

² Umar Ridha Kahalah, *Mu'jam Muallifin*, Muassasah Risalah, T.th. Bayrut. Hlm 32, jil.4

³Faizah 'Ata Allah Al Abdullah, *al-Fikr al-tarbawai 'inda Burhan al-Din al-Zarnuji*, 1995 Universiti Um al-Qura, Makkah al-Mukarramah Hlm. 26

⁴ Abdul Fattah, *Konsep Pendidikan Menurut al-Zarnuji*, Universiti Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Bandung, 2011, Indonesia.

⁵http://www.arab-ency.com/index.php?module=pnEncyclopedia&func=display_term&id=10225&m=1

membahayakan bagi diri seseorang. Ilmu itu hanya untuk diamalkannya, sedangkan mengamalkannya berarti meninggalkan orientasi dunia demi akhirat⁶.

4.0 RINGKASAN KITAB TA'LIM AL-MUTA'ALLIM

Kitab *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Muta'allim* dihasilkan oleh Imam Burhanuddin al-Zarnuji dengan membahagikan perbahasan beliau dalam tiga belas fasal. Perbahasan al-Zarnuji bersifat ringkas dan umum dalam membicarakan kaedah dan metode yang sepatutnya dijalani oleh seorang penuntut ilmu yang menginginkan hasil yang optimum dalam pencarian ilmu. Buku ini merupakan karya yang berbentuk nasihat dan panduan kepada para penuntut ilmu. Dalam membincangkan sesuatu idea, al-Zarnuji banyak membawa syair sebagai kaedah sokongan kepada idea yang diutarakan namun beliau tidak banyak membawa dalil dari al-Quran dan hadis dalam perbincangan beliau. Ini mungkin syair ketika itu dekat di hati masyarakat, lebih ringan dan jelas untuk di fahami kebanyakan orang.

Imam Al-Zarnuji memulakan perbahasan beliau dengan puji-pujian ke atas Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad saw. Seterusnya al-Zarnuji menceritakan hasil pengamatan beliau terhadap penuntut ilmu di zamannya yang begitu tekun dalam menimba ilmu namun mereka gagal memanfaatkan ilmu tersebut dari segi pengamalan dan penyampain. Menurut beliau kegagalan mereka adalah berpunca daripada kegagalan mereka memahami dan mengikut cara dan metode yang betul dalam mencari ilmu.

Imam al-Zarnuji membahagikan karya beliau ini dalam tiga belas fasal di mana setiap fasal disusun berdasarkan nasihat, tatacara, hikmah dan syarat-syarat sebagai seorang pelajar. Tiga belas fasal yang dimaksudkan adalah seperti di bawah:

- I. Pengertian ilmu pengetahuan, ilmu Fiqah dan kelebihanannya
- II. Niat ketika belajar
- III. Pemilihan ilmu, guru, rakan belajar dan sabar
- IV. Kemuliaan ilmu dan orang berilmu
- V. Kesungguhan, ketekunan dan kegigihan
- VI. Memulakan "*al-sabq*" (pelajaran baru) kadar dan tertibnya
- VII. Tawakkal
- VIII. Waktu belajar
- IX. Belas kasihan dan nasihat
- X. Berusaha mendapatkan manfaat dari ilmu

⁶ Abdul Fattah, *ibid.*

- XI. *Wara*'' ketika belajar
- XII. Perkara yang membantu ingatan dan melupakannya
- XIII. Amalan yang menambah rezeki dan menghalangnya, amalan yang menambah umur dan memendekkannya.

Tiga belas perkara di atas merupakan saranan dan metode yang dicadangkan oleh Imam al-Zarnuji kepada para penuntut ilmu bagi mengoptimumkan hasil serta manfaat dari ilmu yang dituntut. Saranan beliau adalah bermula dari pekerjaan hati seperti niat yang ikhlas hingga amalan yang berbentuk fizikal seperti disiplin dalam menjaga waktu ditambah dengan amalan-amalan sampingan yang membantu seseorang itu fokus dalam pencarian ilmu.

5.0 DEFINISI *WARA*' MENURUT AL-ZARNUJI

Al-Zarnuji memulakan perbincangan beliau dalam bab ini dengan memberi definisi *wara*'' . Kata beliau:

*“Wara' ialah mengawal diri daripada perkara yang haram”*⁷

Takrifan yang diberikan oleh al-Zarnuji merupakan takrifan yang ringan dan umum berbanding takrifan yang diberikan oleh ulama lain. Ini kerana takrifan al-Zarnuji adalah takrifan yang merupakan tuntutan wajib ke atas semua orang Islam. Sedangkan *wara*' secara amnya merupakan satu sifat yang lebih berhati-hati dalam pengambilan perkara yang harus kerana takut menyentuh perkara yang syubhah seterusnya membawa kepada yang haram. Pendapat penulis berdasarkan apa yang disebutkan oleh al-Qusyairi dalam risalah beliau. Antaranya al-Qusyairi berkata bahawa Ibrahim bin Adham mendefinisikan *wara*' dengan:

*“Wara' ialah meninggalkan segala perkara yang samar-samar hukumnya, meninggalkan segala yang tidak memberi makna kepada kamu dan perkara yang tidak kamu hajati”*⁸

Oleh itu jika takrifan al-Zarnuji sama dengan tuntutan umum dalam Islam maka tidak terserlah kelebihan sifat *wara*' yang merupakan satu sifat istimewa yang dianjurkan kepada para penuntut untuk mendapatkan hasil maksimum dalam ilmu, sedangkan karya beliau merupakan karya istimewa untuk para penuntut ilmu mendapatkan hasil yang paling tinggi dalam bidang keilmuan.

⁷ al-Zarnuji, *Ta'lim al-Mutallim Tariq al-Ta'llum*, 2010. Terjemahan Abd. Ghani Maraqi . Jabal Maraqi Enterprise. Kota Baharu , Kelantan. Hlm 59.

⁸ Abi al-Qasim, Abdul Karim bin Huzan. *al-Risalah al-Quhairiyah*, 2000M. Maktabah al-Asad. Damsyik, Syria. Hlm. 194

Seterusnya, jika dilihat pada isi perbincangan al-Zarnuji dalam bab ini ia merupakan perbincangan yang lebih mendalam mengenai sifat *wara'*. Perbincangan beliau tentang sifat *wara'* sama sekali tidak mencerminkan apa yang beliau takrifkan pada mukadimah fasal ini. Malah sifat-sifat *wara'* yang beliau anjurkan dalam perbahasan tidak hanya semata-mata meninggalkan perkara haram dan makruh bahkan beliau menganjurkan supaya meninggalkan perkara-perkara harus, sia-sia, menghalusi perkara berkaitan adab dan memperbanyakkan amalan sunat.

6.0 WARAA' DALAM PROSES PENDIDIKAN MENURUT AL-ZARNUJI

Dalam fasal yang ke sebelas kitab *Ta'lim al-Muta'allim*, al-Zarnuji menyarankan lapan sifat *wara'* yang perlu diberi perhatian seterusnya diamalkan oleh para penuntut khususnya dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang pelajar, umumnya kepada orang-orang yang berada dalam dunia pendidikan. Ringkasan beserta sedikit analisis sifat-sifat yang dicadangkan oleh al-Zarnuji adalah seperti di bawah ini:

1. Menggelakkan diri daripada kekenyangan, banyak tidur, banyak bercakap mengenai perkara yang tidak berfaedah.
2. Mengelakkan makan makanan dari pasar (jika boleh), menurut beliau makanan di pasar-pasar adalah lebih terdedah kepada kekotoran dan najis. Tambah beliau lagi makanan yang dijual di pasar telah hilang keberkatan kerana melukakan hati orang-orang miskin yang tidak mampu memiliki makanan tersebut.
3. Elakkan diri dari mencari keaiban orang lain dan bercampur dengan orang yang bercakap banyak.
4. Elakkan diri dari bercampur dengan golongan yang rosak, penderhaka dan orang yang suka mensia-siakan waktu.
5. Seorang penuntut hendaklah duduk mengadap kiblat ketika belajar dan mengulang kaji pelajaran, berpegang kepada sunah nabi s.a.w, sentiasa mendapatkan doa dari orang-orang soleh dan elakkan diri dari terkena doa orang yang dizalimi.
6. Pelajar hendaklah sentiasa memandang tinggi dan mengambil berat terhadap perkara berkaitan adab sopan dan amalan-amalan sunat.
7. Pelajar hendaklah memperbanyakkan amalan solat sunat dan cuba mendatangkan khusyuk dalam solat.

8. Para penuntut hendaklah sentiasa membawa buku catatan dan pen untuk mencatat dan menelaah pelajaran atau syarahan yang didengari dari alim ulama.

Saranan utama al-Zarnuji kepada para penuntut adalah menjurus kepada membina personaliti penuntut tersebut. Tanpa disiplin dan kesedaran yang tinggi terhadap kemudaratan pemakanan, tidur dan cakap yang berlebihan boleh mengganggu dan merosakkan masa serta konsentrasi terhadap proses pembelajaran. Seterusnya al-Zarnuji menyarankan kepada para penuntut supaya menjauhi makanan-makanan yang dijual di pasar-pasar malam kerana makanan yang dijual di pasar-pasar malam lebih berisiko untuk tercemar dari segi zahirnya kerana konsep *wara'* bukan sahaja mengambil makanan yang halal bahkan makanan yang halal dan baik menjadi keutamaan.

Menurut beliau lagi, makanan yang dijual tersebut tidak bersih dari segi batin kerana hilang berkat disebabkan gangguan emosi orang-orang miskin yang melihat dan begitu inginkan makanan tersebut. Saranan yang diberikan oleh al-Zarnuji ini bukanlah disebabkan makanan tersebut dihukumkan sebagai makruh apatah lagi haram, tetapi ia lebih kepada sifat berhati-hati yang sangat tinggi dalam memastikan kondisi hati para penuntut dalam tahap yang paling baik dan sangat bersedia dalam menerima ilmu.

Selain daripada itu, keterlibatan seseorang penuntut dengan orang lain juga perlu diambil peduli. Seorang penuntut tidak seharusnya bergaul dan cenderung dengan orang-orang yang tiada hala tuju atau disifatkan sebagai *lagha* apatah lagi orang yang buruk akhlak. Seterusnya al-Zarnuji melarang para penuntut untuk memerhati dan mencari-cari keaiban orang lain khususnya perkara-perkara aib pada guru. Pantang larang ini bertujuan untuk menjaga hati supaya sentiasa bersih dan fokus terhadap niat utama agar hati tidak dicemari dengan perkara maksiat yang boleh mengganggu proses pendidikan.

Menghalusi perkara yang berkaitan dengan adab sopan dan tatacara belajar yang betul seperti mengadap ke arah kiblat, berdoa, memperbanyakkan amalan sunat ketika proses pembelajaran terjurus kepada konsep amal soleh dan keberkatan yang menunjukkan pergantungan yang total kepada Allah S.W.T untuk membantu mendapat keberkatan dalam proses pendidikan.

Saranan terakhir al-Zarnuji kepada para penuntut supaya sentiasa bersedia dengan alatan asas dalam pelajaran untuk mencatat segala perkara berkaitan dengan ilmu menunjukkan

manusia perlu kepada ikhtiar dan usaha selepas segala bentuk amalan yang menjaga hati telah dilaksanakan.

7.0 KESIMPULAN

Metode atau saranan oleh al-Zarnuji merupakan satu metode yang baik untuk dijadikan panduan bukan sahaja khusus pada pelajar dan tenaga pengajar bahkan kepada semua yang terlibat dalam proses pendidikan. Perkara-perkara yang diutarakan oleh Imam al-Zarnuji adalah satu proses penyucian hati yang mengimbangi proses-proses yang melibatkan fizikal dalam pembelajaran. Para ulama tidak melihat hasil proses pendidikan itu hanya melahirkan insan yang baik dari segi ilmu sahaja bahkan melalui proses pendidikan dapat melahirkan insan yang baik dari segi rohani. Sifat *wara'* yang diutarakan oleh Imam al-Zarnuji merupakan sebahagian dari metode yang boleh mengimbangi antara kejayaan seseorang dari segi rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi.

Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan kecil yang menjadi panduan kepada para pendidik dan penuntut khususnya juga kepada individu muslim secara umumnya dalam melahirkan insan yang seimbang melalui perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani mampu menjalankan amanahnya sebagai Khalifah Allah S.W.T di muka bumi.

RUJUKAN

- Abi al-Qasim, Abdul Karim bin Huzan. *al-Risalah al-Qushairiyyah*, 2000M. Maktabah al-Asad. Damsyik, Syria.
- Abdul Fattah, Konsep Pendidikan Menurut al-Zarnuji, Universiti Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Bandung, 2011, Indonesia.
- Al Zarnuji, *Ta'lim al-Mutallim Tariq al-Ta'llum*, 2010. Hlm 59. Terjemahan Abd. Ghani Maraqi . Jabal Maraqi Enterprise. Kota Baharu , Kelantan.
- Faizah 'Ata Allah Al Abdullah, *al-Fikr al-Tarbwai 'inda Burhan al-Din al-Zarnuji*, 1995 Universiti Um al-Qura, Makkah al-Mukarramah.
- Umar Ridha Kahalah, *Mu'jam Muallafin*, Muassasah Risalah, T.th. Bayrut. Hlm 32, jil.4.
- Wacana Pendidikan Islam Kali Ke 7. 6 Disember 2009. Anjuran Ukm-Gontor, Indonesia. Tajuk kertas kerja: Menjana Modal Insan Kamil Model 'Jerisah': Kajian Kes Di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Malaysia.

Laman sesawang:

http://www.arabency.com/index.php?module=pnEncyclopedia&func=display_term&id=10225&m=1